

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 September 2015

Pembangunan seimbang

Um - 16/9/2015

Oleh KAMIL MASLIH
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 SEPT.

DATUK Seri Najib Tun Razak berazam untuk melipat gandakan lagi pembangunan di Sabah dan Sarawak bagi mengatasi jurang pembangunannya dengan Semenanjung Malaysia.

Perdana Menteri berkata, sejak beliau mengambil alih tampuk pentadbiran negara pada 2009, pelbagai peruntukan besar telah diluluskan saban tahun untuk Sabah dan Sarawak khususnya bagi program-program yang berpaksikan rakyat.

Antaranya, menyediakan bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar dan pedalaman, menyediakan geran perladangan komoditi sawit dan getah serta menyalurkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

"Sebagaimana yang diketahui umum, perjanjian Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak telah pun dimeterai dan Insya-Allah saya juga akan melancarkan jajaran Sabah pada akhir tahun ini atau awal tahun depan.

"Saya yakin projek ini akan menjadi pemangkin yang akan mentransformasikan kehidupan dan mengubah landskap di Sabah dan Sarawak, seterusnya membawa pertumbuhan ekonomi yang pesat di sana.

"Impian saya hanyalah untuk melihat pembangunan yang seimbang dan saksama dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan jurang antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Insya-Allah termakbulah nanti," katanya dalam satu perutusan bertajuk 'Di Bawah Payung Jalur Gemilang' di laman *najibrzak.com* hari ni.

Menurut Najib, sempena Hari Malaysia pada 16 September ini, semangat patriotik dan cintakan negara perlu terus disemai dalam



NAJIB TUN RAZAK disambut ribuan penduduk setempat pada Majlis Memulakan Kerja Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak Jajaran Teluk Melano-Sematan di Lundu, Sarawak, semalam. - BERNAMA

kalangan generasi seterusnya bagi menghargai pembentukan Malaysia yang diperjuangkan oleh perajurit-perajurit negara.

"Tarikh ini diraikan oleh segenap lapisan masyarakat dari Perlis ke Johor ke Sabah dan Sarawak sebagai menghargai dan memperingati detik-detik bersejarah penyatuan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak yang mana hasil perpadu-

annya dapat dilihat sehingga ke hari ini," katanya.

Beliau memberitahu, Malaysia berjaya melakar identiti sebagai sebuah negara yang makmur meskipun rakyatnya berbeza agama, budaya dan adat resam.

"Kita ada orang-orang Melayu, Cina, India, Iban, Bidayuh, Melanau, Kadazandusun, Bajau, Murut, dan sebagainya. Perbezaan di antara kita tidak menghalang kita hidup

secara harmoni malah ia menjadi keunikan yang terserlah," katanya.

Tegasnya, kemakmuran yang dikecapi negara hari ini membuktikan keputusan pemimpin-pemimpin dari Sabah dan Sarawak untuk bersama-sama membentuk Malaysia 52 tahun lalu merupakan keputusan yang tepat.

"Saya akan memastikan bahawa segenap lapisan masyarakat tidak terpinggir, termasuklah rakyat Ma-

laysia dalam golongan (pendapatan) 40 peratus terendah, dalam usaha kita untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

"Kita akan mempertahankan kedaulatan dan meneruskan usaha membangunkan negara kita, memajukan setiap anak bangsa. Penderitaan inilah apa yang saya tegaskan seringkali dan diterapkan dalam pentadbiran hari ini," katanya.